

30/05/2002

Memorial Tun Hussein siap tahun depan

KUALA LUMPUR, Rabu - Projek Memorial Tun Hussein Onn di bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jalan Datuk Onn yang dijangka siap tahun depan, akan menjadi daya tarikan baru pelancongan di ibu kota.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid, berkata bahan artifak yang akan dipamerkan di memorial itu sudah sedia dan hanya menunggu masa untuk dipamer.

"Pada mulanya Memorial Tun Hussein Onn dicadangkan dibina di rumah kediaman pengasas Umno, Allahyarham Datuk Onn Jaafar di Johor tetapi ia diambil semula oleh kerajaan negeri dan kementerian membuat keputusan menjadikan pejabat lama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Memorial Tun Hussein Onn," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis tahlil Allahyarham Tun Hussein Onn di Memorial Tun Abdul Razak, di sini hari ini.

Kira-kira 200 pegawai dan kakitangan kerajaan menghadiri majlis tahlil berkenaan yang diketuai Imam Besar Masjid Negara, Wan Halim Wan Harun.

Hadir sama, anak-anak Tun Hussein Onn termasuk Haris, Datin Dr Suraiya Hani, Roquiaya Hanim, Roziah Hanis dan Dr Rozita Halina mewakili ibu mereka, Tun Suhaila Tan Sri Mohd Noah. Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Rahani Jamil dan Pengarah Pengurusan Arkib Memorial, Zainol Abidin Abdul Rahman.

Majlis tahlil itu diadakan khusus memperingati 12 tahun pemergian Tun Hussein Onn dan majlis seumpama itu diadakan pada 29 Mei setiap tahun.

Sebelum ini, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dilaporkan berkata, Memorial Tun Hussein Onn yang berharga RM35 juta itu merangkumi Galeri Perdana yang memuatkan pejabat Dr Mahathir dan Perdana Menteri terdahulu, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Projek Memorial Tun Hussein Onn yang dimulakan sejak Februari 2000 lalu, diubah suai dan akan turut memuatkan bilik mesyuarat kabinet, Pejabat Pustaka Perkhidmatan Awam dan Pejabat Ketua Setiausaha Negara.

(END)